

## Berita Utara

May 09, 2017 16:54 PM

### PBAPP Bimbang Aktiviti Pembalakan Di Ulu Muda

GEORGE TOWN, 9 Mei (Bernama) -- Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) bimbang dengan aktiviti pembalakan yang berlaku di Ulu Muda, Kedah yang menyalurkan 80 peratus daripada bekalan air negeri ini.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Jaseni Maidinsa berkata Ulu Muda adalah kawasan tадahan bagi Sungai Muda dan ia membekalkan 80 peratus air mentah kepada Pulau Pinang, 96 peratus untuk Kedah dan 50 peratus bekalan air Perlis.

Beliau berkata penebangan pokok di Ulu Muda akan menjelaskan keupayaan kawasan itu menadah hujan dan kesannya akan dirasai oleh ketiga-tiga negeri tersebut.

"Menebang kawasan hutan hujan di Ulu Muda akan mengakibatkan hakisan tanah dan mendapan. Oleh itu, kesan pembalakan akan memberi kesan kepada kuantiti dan kualiti air mentah dari Sungai Muda," katanya dalam sidang media di sini hari ini.

Jaseni mengulas laporan sebuah akhbar berbahasa Inggeris yang memetik Exco Kerajaan Tempatan, Bekalan Air, Sumber Air dan Tenaga dan Perumahan Kedah, Datuk Badrul Hisham Hashim sebagai berkata kawasan pembalakan yang terlibat adalah 12,484 hektar atau 30 peratus daripada jumlah keseluruhan 41,375 hektar Hutan Simpan Ulu Muda.

Jaseni berkata pembalakan di Ulu Muda bukan hanya 'urusan Kedah semata-mata' kerana ia menjelaskan bekalan air dan pengairan di Perlis, Kedah dan Pulau Pinang, yang berada dalam Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) yang diilhamkan kerajaan Persekutuan.

Katanya mewarta dan memulihara Ulu Muda harus dianggap sebagai isu NCER kerana ia membabitkan tiga negeri di wilayah utara.

"Oleh kerana kerajaan Persekutuan menganggap NCER sebagai wilayah ekonomi bersepadu, ia wajar mengharamkan pembalakan di Ulu Muda bagi melindungi kepentingan 4.05 juta penduduk dan ekonomi tiga negeri terlibat," katanya.

Beliau berkata, tahun ini agak bernasib baik kerana kemarau di wilayah utara tidak berpanjangan tetapi paras air di Empangan Muda, Kedah hanya mencatat 48.1 peratus setakat semalam berbanding kapasiti di Empangan Air Itam dan Empangan Teluk Bahang, kedua-duanya di Pulau Pinang yang masing-masing mencatat 83.6 dan 97.3 peratus.

Jaseni menjelaskan sesuatu empangan harus mencapai paras air 80 peratus untuk bersedia menghadapi musim kering akan datang.

"Sewaktu musim kemarau enam bulan akibat Super El Nino tahun lepas, aktiviti pengairan di Kedah dan Pulau Pinang terpaksa ditunda kerana jumlah air mentah yang ada di Empangan Muda dan Empangan Beris, Kedah turun hingga ke paras kritikal pada April," katanya.

Bagaimanapun, Jaseni berkata Pulau Pinang akan menyokong sebarang langkah yang diambil Kedah untuk mendapatkan pampasan sebagai ganti 'premium hutan' selepas ia mewartakan Ulu Muda sebagai kawasan tадahan air serantau.

-- BERNAMA